

Perbandingan komponen makna kata kerja visual Melayu: analisis Frame Semantics¹

Rusmadi bin Baharudin

Bahagian Penyelidikan Bahasa,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak

Pendeskripsian makna suatu kata sebenarnya suatu usaha yang sukar. Apatah lagi jika pendeskripsian makna suatu kata itu berhadapan dengan masalah ketaksaan dan kekaburan yang sukar ditangani secara berprinsip dan objektif. Masalah ini semakin rumit apabila kaedah ujian semantik untuk membezakan gelagat makna sesuatu kata bersinonim sifatnya. Dengan menggunakan kerangka kerja teori Frame Semantics dan memanfaatkan Pangkalan Data Korpus DBP sebagai sumber data, makalah ini meneliti komponen makna teras kata kerja visual Melayu. Untuk makna teras, kajian ini mendapati kata kerja visual Melayu beroperasi dalam dua ranah semantik, iaitu: [PERSEPSI_AKTIF] yang menunjangi makna aktiviti visual; [PERSEPSI_PENGALAMAN] yang memotivasikan makna pengalaman visual. Andaian kajian ialah kelompok kata kerja yang berada dalam ranah yang sama seharusnya menampilkan gelagat semantik yang sama atau dengan kata lain kata kerja ini menunjukkan darjah kesinoniman yang tinggi. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa ada kelainan gelagat semantik yang ditunjukkan oleh beberapa kata kerja ini dan perbezaan inilah yang membentuk komponen semantiknya yang teras dan yang mencolok kepada sesuatu kata kerja itu berbanding dengan rakannya yang lain dalam kelompok tersebut.

Kata kunci: kata kerja visual Melayu, frame semantics, kesinoniman, komponen makna

1. Pendahuluan

Senario pertama: *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KD4) merakamkan entri **lihat** sebagai bersinonim dengan kata *pandang* dan *tengok*; *Kamus Perwira* (KPW) menyatakan bahawa kata *lihat* bersinonim pula dengan *intai* dan *pandang*; *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (KBBMU) pula menyenaraikan kata *nampak*, *pandang*, *calik* dan *tengok* sebagai bahagian daripada anggota sinonim kepada kata *lihat*; manakala *Kamus Sinonim Melayu Global* memberikan tiga kata yang menjadi sinonim kepada *lihat*, iaitu *nampak*, *pandang* dan *tengok*. Empat buah kamus dengan empat senarai tentang anggota sinonim bagi kata *lihat*. Senario kedua: walaupun berada dalam kelas semantik yang sama, iaitu kata kerja persepsi visual dan dirakamkan pula oleh kamus sebagai sinonim, namun berdasarkan buktian korpus, beberapa kata yang dikelompokkan dan dikategorikan sebagai bersinonim ini menunjukkan ciri-ciri kelainan perilaku semantiknya.

- (1) a. Dia *melihat/memandang/memerhatikan/merenung* ke arah sawahnya yang sedang menguning. (DB3 K5588)
- b. ?Dia *mengintai/nampak* ke arah sawahnya yang sedang menguning.
- (2) a. Saat itu, aku *lihat/tengok/nampak* lampu bilik air terpasang dan pintu bertutup rapat. (DB3 K288)

¹ Makalah ini dibentangkan pada Third International Conference of Linguistic Studies 2017, 6 -7 December 2017, di Al-Madinah International University, Shah Alam, Malaysia

- b. ?Saat itu, aku *pandang/renung/intai* lampu bilik air terpasang dan pintu bertutup rapat.
- (3) a. Wajah isterinya *dilihat/nampak* tenang. (DB3 K3055)
- b. ?Wajah isterinya *dipandang/ditengok/direnung* tenang. (DB3 K3055)

Dengan menggunakan ujian gantian untuk menentukan kesinoniman, kumpulan kata kerja persepsi visual yang dihurufcondongkan dalam ayat (1a), (2a) dan (3a) menunjukkan sifat sinonim kerana ketiga-tiganya dianggap dapat bertukar ganti pemakaiannya. Walau bagaimanapun, ayat tersebut menjadi janggal atau anomali semantik apabila kata kerja itu masing-masing ditukar dengan deretan kata seperti dalam ayat (1b), (2b) dan (3b). Tinjauan awal ini menunjukkan bahawa buktian korpus nyata tidak menyokong paparan makna dan pengendalian kata yang bersinonim seperti yang dirakamkan oleh kamus.

Makalah ini membincangkan aspek perbandingan komponen makna teras kata kerja visual Melayu dalam makna terasnya. Dengan mengaplikasikan kerangka teori Frame Semantics, kata *melihat* dan kata kerja lain – *memandang, menengok, memerhatikan, mengamati, menonton, merenung, menatap, mengintai, mengintip* dan *nampak* – yang menjadi anggota dalam kelompok visual Melayu dijadikan data perbandingan untuk gelagat makna terasnya. Makna kembangan tidak dibincangkan dalam makalah ini.

2. Metodologi

Kajian ini menerapkan menerapkan metodologi yang diperkenalkan oleh teori Frame Semantics untuk pengujian data, iaitu kata kerja visual Melayu. Kajian ini

2.1 Frame Semantics

Frame semantics ialah teori semantik yang menjadikan ranah semantik sebagai suatu latar pengetahuan yang umum bagi suatu kata itu ditafsirkan maknanya (Fillmore dan Atkins 1992: 76-77). Yang dimaksudkan dengan ranah semantik atau ranah (*frame*) ialah representasi skematik pengetahuan penutur tentang sesuatu situasi, objek atau peristiwa yang membekalkan latar dan motivasi bagi kewujudan dan penggunaan lazim suatu kata dalam sesuatu bahasa (Fillmore 2007:130). Menurut Fillmore dan Atkins (1992) makna sesuatu kata itu hanya dapat difahami dengan merujuk kepada latar pengalaman, kepercayaan atau praktis yang berstruktur sifatnya dan semua ini merupakan semacam struktur konseptual yang menjadi prasyarat untuk memahami makna. Pengguna bahasa dikatakan faham akan makna suatu kata itu hanya apabila mereka terlebih dahulu faham akan ranah latar yang memotivasikan konsep yang dikodkan oleh sesuatu kata itu. Dengan kata lain, ranah yang terbit inilah yang merupakan struktur pengetahuan yang diperlukan untuk pemahaman dan penggunaan yang sesuai bagi setiap item leksikal atau sesuatu frasa yang tertentu. Misalnya, ranah [TELLING] dijelmakan oleh unit leksikal (UL) Inggeris, antaranya kata *tell* (Fillmore et al. 2003; Boas 2005, Fillmore & Baker 2010). Menurut Boas (2010) ranah [TELLING] ini distrukturkan oleh sejumlah elemen ranah (*frame element*) (ER), iaitu peran semantik khusus yang terlibat dalam pengkonseptualisasian ranah ini, iaitu [SPEAKER] berkata-kata kepada [ADDRESSEE] dengan suatu [MESSAGE] yang secara tersiratnya dapat dikategorikan sebagai [TOPIC]. Mesej biasanya diterima oleh [ADDRESSEE] daripada perucap. Manakala, [MESSAGE] pula ialah suatu bentuk komunikasi yang dihasilkan oleh perucap. Elemen ranah [TOPIC] pula ialah pendeskripsian umum tentang kandungan mesej.

2.2 Data Korpus

Untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang struktur semantik kata kerja visual Melayu, Pangkalan Data Korpus DBP digunakan. Data diproses dengan bantuan perisian *WordSmith Tool 4.0*. Dengan menggunakan perisian ini, janaan data dalam bentuk senarai kata

dikeluarkan daripada subkorpus buku dan majalah Pangkalan Korpus DBP. Daripada senarai kata ini, calon data dipilih berdasarkan kekerapan kata itu daripada kedua-dua subkorpus. Kata kerja *melihat* merupakan calon kata kerja yang tinggi kekerapannya. Setelah calon data ditemukan dalam senarai kata, kamus pula akan dirujuk untuk menentukan bahawa calon data ini layak digunakan sebagai data kajian. Kamus juga digunakan untuk mengumpulkan sinonim kata *melihat* ini dan sebagai hasilnya kajian ini menetapkan sebelas (10) kata kerja, iaitu *memandang, menengok, nampak, memerhatikan, mengamati, menonton, menatap, merenung, mengintai* dan *mengintip* digunakan sebagai data perbandingan gelagat semantikanya. Jumlah kekerapan kata dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Jumlah kekerapan kata kerja persepsi visual dalam Pangkalan Korpus DBP

Bil.	Kata kerja	Jumlah kekerapan (baris konkordans)
1.	melihat	13605
2.	memandang	6805
3.	nampak	4182
4.	merenung	2000
5.	memerhatikan	1456
6.	menonton	692
7.	menatap	582
8.	mengamati	562
9.	mengintai	863
10.	menengok	390
11.	mengintip	479

Penganalisan data dimulakan dengan menyelidik pola penggunaan setiap calon data. Contohnya lema *lihat* dan dua bentuk terbitannya, iaitu *melihat* dan *lihat* dijanakan konkordansnya bagi menyelidik gelagat semantikanya dan pola leksikosintaksisnya. Pada tahap ini, objek kata kerja *melihat* dikenal pasti tipa semantikanya untuk menentukan gelagat semantik kata kerja ini, iaitu makna terasnya dalam ranah persepsi.

282	lisme dalam seluruh ketelanjangannya. Ia	melihat	agama Katolik sebagai landasan
283	da kalangan bangsa kita yang tidak ingin	melihat	agama sendiri di peringkat sega
284	menghabiskan semua bubur kacangnya. Dia	melihat	*Ah Chong* tidak ada selera unt
285	h dibenarkan pulang ke bilik yang sempit	melihat	Ah Neu. Kadang-kadang ia menamp
286	ungkin. Secepat kilat. Dan tiba-tiba dia	melihat	Ah Mei sedang berkejar keliling
287	ku dan pergi ke bilik tamu. Aku terkejut	melihat	*Ah Wah* terlantar di atas perm
288	kita tidak bersin tadi, tentu kita dapat	melihat...	"Ah, sudahlah Tuk Megat. H
289	juga bubur kacang itu. *Karupaya* senang	melihat	*Ah Chong* menghabiskan makanan
290	kan *Ramli* tanpa kata. *Ramli* sekarang	melihat	ahli muzik dan pertarungan jiwa
291	mengerjakan tanah projek pertanian itu.	Melihat	ahli semakin merosot, Buyong ya
292	menarik diri. Lebih menyedihkan apabila	melihat	ahli di dalam jawatankuasa audi
293	t tiga orang anak angkat." Mak Cik Gayah	melihat	ahli rombongan. Ayah juga dipim
294	untuk manusia ialah siapa, misalnya: Dia	melihat	Ahmad. Siapakah yang dilihatnya
295	on*, *Sir*?" tiba2 dia di-tanya. *Basir*	melihat	*Ahmad Jani* maseh termengah2 d
296	a. "Macam mana bang?" tanya Zaidah bila	melihat	Ahmadi diam sahaja itu. Ahmadi
297	u berkilat-kilat. Ayah tidak terperanjat	melihat	Ai Lian yang duduk menanti hamp
298	zham. "Mai dekat ayah!" seru Izham bila	melihat	Aida sudah makan, dibawa oleh M
299	enegah menggunakannya. Takut jahanam. Jadi,	melihat	Aida, memasak, itulah dianggap

Rajah 3.4 Contoh baris konkordans “melihat”

3. Analisis dan Perbincangan

Yang berikut adalah analisis dan dapatan kajian ini.

3.1 Struktur konseptual makna teras kata kerja visual Melayu

Berdasarkan analisis data, penggunaan teras kata kerja visual Melayu boleh muncul dalam dua ranah persepsi, iaitu ranah [PERSEPSI_AKTIF] dan [PERSEPSI_PENGALAMAN].

3.1.2 Ranah Persepsi Aktif

Ranah [PERSEPSI_AKTIF] yang menerbitkan makna aktiviti visual dibangunkan struktur konseptualnya oleh beberapa elemen ranah teras, iaitu [PENANGGAP_AKTIF], [FENOMENA], dan [ARAH], dibantu pula oleh elemen ranah lain seperti tematik tambahan, itu elemen [GAMBARAN], dan [LOKASI_PENANGGAP], dan juga elemen ranah pinggirannya, seperti [LATAR], [TEMPOH] dan [CARA].

Ayat korpus (1) di bawah menunjangi struktur konseptual ranah ini dan membuktikan kata kerja *melihat*, *memandang*, *memerhatikan*, *menengok*, *mengamati*, *merenung*, *menatap*, *mengintai*, *mengintip* dan *menonton* menerbitkan ranah persepsi aktif. Bukti korpus oleh ayat contoh (1a – j) memaparkan pola penggunaan sembilan (9) kata kerja dalam ranah persepsi aktif dengan gabungan pelbagai elemen ranah baik yang teras mahupun yang pinggirannya untuk menstrukturkan makna teras aktiviti visual.

- (1) a. [Dising PENANGGAP_AKTIF] **melihat** [wajah isterinya FENOMENA]
- b. [Dia PENANGGAP_AKTIF] terus **memandang** [ke arah ARAH] [keputan asap FENOMENA] [dari bawah serumpun pohon nibung LOKASI_PENANGGAP].
- c. [Mata tuanya BAHAGIAN_TUBUH] **memerhatikan** [Iskandar FENOMENA] [mengelap basikalnya yang sedikit berdebu GAMBARAN.]
- d. [Ajip PENANGGAP_AKTIF] **menengok** [jam tangannya FENOMENA].
- e. [Mikroskop elektron ALAT] juga digunakan untuk **mengamati** [virus FENOMENA] [dalam lapisan nipis tisu LATAR].
- f. [Wajah Susilawati FENOMENA] [yang pucat kapas itu GAMBARAN] **direnung** [lama-lama TEMPOH].
- g. [Wajah lembut FENOMENA] [di depannya LATAR] **ditatap** [dengan penuh minat CARA].
- h. [Mata BAHAGIAN_TUBUH] itulah yang begitu setia **mengintai** [Timah FENOMENA] [mandi GAMBARAN] [dari celah-celah batu yang bercerancangan LOKASI_PENANGGAP].
- i. [Sepasang mata BAHAGIAN_TUBUH] sentiasa **mengintip** [dari rekahan daun pintu LOKASI_PENANGGAP] [akan gerak-geri Pegawai Daerah itu FENOMENA].
- j. [Mak Som PENANGGAP_AKTIF] [masih khusyuk GAMBARAN] **menonton** [drama bersiri FENOMENA][di televisyen WAHANA].

3.1.2 Ranah Persepsi Pengalaman

Dalam ranah ini, suatu pengalaman perseptual atau visual diperoleh atau dialami oleh penanggap secara tidak sengaja atau hadirnya di luar kawalan penanggap. Ranah [PERSEPSI_PENGALAMAN] dibangunkan oleh beberapa elemen ranah teras, iaitu [PENANGGAP_PASIF], [BAHAGIAN_TUBUH] dan [FENOMENA]. Elemen yang teras ini dibantu pula penjelasannya oleh elemen ranah yang pinggirannya sifatnya dan secara keseluruhannya sama dengan ranah [PERSEPSI_AKTIF] di atas. Namun, yang membezakan ranah persepsi pengalaman ini daripada ranah persepsi aktif ialah ciri elemen ranah terasnya, iaitu [PENANGGAP] yang masing-masing bersifat aktif dan bersifat pasif.

Ayat (2a – d) menunjukkan pola penggunaan kata kerja melihat, *nampak* dan *menengok* dalam menghadirkan ranah semantik [PERSEPSI_PENGALAMAN] dan menjelmakan makna pengalaman visual.

- (2) a. [Aku PENANGGAP_PASIF] **nampak** [abang FENOMENA][masuk ke kedai Ah Chong GAMBARAN].
- b. [Dia PENANGGAP_PASIF] melihat [ada sebuah teks FENOMENA][berhenti GAMBARAN][di pintu pagar rumahnya LATAR].
- c. [“Semalam MASA][Adik PENANGGAP_PASIF] **tengok** [ada beras FENOMENA] [dalam tong.” LATAR]
- d. [“Saya PENANGGAP_PASIF] **tengok** [dia FENOMENA][masuk surau GAMBARAN], ustaz!” Leong menambah.

Dalam ayat (2a – d) di atas, semua fenomena yang dicerap oleh penanggap bukanlah secara sengaja dilakukannya. Peristiwa visual dengan elemen ranah [FENOMENA] yang direalisasikan masing-masing oleh objek fizikal yang diwakili oleh FN *abang* (2a), *dia* (2d) dan dijelaskan lagi oleh elemen ranah tematik tambahan [GAMBARAN] yang dijelmakan masing-masing juga oleh FK *masuk ke kedai Ah Chong* (2a) dan *masuk surau* (2d) bukan berada dalam kawalan penanggap. Berbeza daripada ayat (1a – j) yang terdahulu, semua peristiwa visual dalam contoh tersebut bersifat agentif situasinya, iaitu elemen ranah teras penanggap dengan sengaja melakukan kerja “memandang”, “memerhatikan”, “menengok”, “mengamati”, “merenung”, “menatap”, “mengintai”, “mengintip” dan “menonton”.

3.2 Perbandingan Komponen Makna

Kelompok kata kerja yang berada dalam ranah yang sama seharusnya menampilkan gelagat semantik yang sama atau dengan kata lain kata kerja ini menunjukkan darjah kesinoniman yang tinggi. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa gelagat semantik yang ditunjukkan oleh beberapa kata kerja ini ada kelainan dan perbezaan inilah yang membentuk komponen semantiknya yang teras dan yang mencolok kepada sesuatu kata kerja itu berbanding dengan rakannya yang lain dalam kelompok tersebut.

Perbezaan komponen semantik ini dilihat daripada aspek objek cerapan yang diperhatikan cirinya berdasarkan kategori yang berikut (1) objek fizikal dan perbuatan fizikal; (2) jarak objek; dan (3) daya tarik terhadap objek. Selain itu, komponen “halangan” dan “tempoh” juga dapat dijadikan kriteria untuk membezakan gelagat semantik beberapa kata dalam kelompok yang bersinonim ini.

(1) Objek Fizikal dan Perbuatan Fizikal

Objek fizikal dan perbuatan fizikal ialah dua kategori semantik yang diberikan oleh kajian ini kepada jenis objek untuk kategori sintaksis kata kerja persepsi visual Melayu yang diselidik. Dari segi elemen ranah pula, objek ini mewakili elemen FENOMENA. Dengan membuat perbandingan perealisasikan ER FENOMENA antara kelompok kata kerja ini, kajian ini mendapati bahawa item leksikal yang mengisi slot objek ini dapat dikelompokkan dalam dua tipa semantik yang utama, iaitu objek fizikal dan perbuatan (pergerakan fizikal).

Berdasarkan Jadual 2, objek fizikal yang kerap hadir berkolokasi dengan kata kerja *memandang*, *merenung* dan *menatap* ini diwakili oleh item leksikal seperti anggota tubuh, iaitu “wajah”, “muka”, dan “mata”. Sebaliknya, bagi kata kerja *memerhatikan*, *menonton* dan *mengintip* pula, kajian ini mendapati item leksikal seperti *gelagat*, *telatah*, *persembahan*, *perlawanan* dan *gerak-geri* merupakan set item leksikal yang kerap menjadi objek kata kerja ini. Inilah contoh set leksikal yang dikategorikan tipa semantiknya sebagai perbuatan fizikal.

Jadual 2 Senarai kekerapan kata yang mengikuti kata kerja *memandang*, *merenung*, *menatap*, *memerhatikan*, *menonton*, *mengamati*, *mengintai*, *mengintip* dan *menengok* dengan isihan kanan pertama (K1).

	memandang	memerhatikan	menengok	mengamati	menonton	merenung	menatap	mengintai	mengintip
OBJEK FIZIKAL									
anggota/tubuh									
wajah	251	30	-	78	-	211	244	-	-
muka	285	9	3	8	-	208	29	-	-
mata	-	-	-	-	-	56	24	-	-
orang	281	66	41	11	-	36	16	79	40
benda	-	5	37	4	-	79	65	29	-
PERBUATAN FIZIKAL									
gelagat	-	33				-	-		
telatah	-	12							
tingkah	-	8		6					
kelakuan	-	7							9
gerak-geri	-	16						8	34
persembahan	-				12				
perlawanan	-				6				
perbualan								3	9
pertunjukan					6				
pementasan					4				

Selain perbezaan di atas, kata kerja *memerhatikan* menunjukkan pola konfigurasi ER yang kerap menampilkan gandingan elemen ranah [FENOMENA] dan [GAMBARAN]. Kajian ini berpendapat bahawa ciri inilah yang menunjukkan bahawa gelagat semantik kata kerja ini cenderung untuk menerima objek fizikal yang sedang melakukan perbuatan fizikal. Ciri ini juga yang membezakan *memerhatikan* daripada *memandang*. Dengan meneliti elemen ranah [GAMBARAN] yang fungsinya menjelaskan elemen [FENOMENA], perbezaan kedua-dua kata kerja ini dapat diperhatikan. Bagi kata kerja *memerhatikan* elemen [GAMBARAN] cenderung direalisasikan secara sintaksisnya oleh FK seperti dalam contoh (3) yang berikut:

- (3)
- a. [Fadillah dan Johan PENANGGAP_AKTIF] **memerhatikan** [mereka FENOMENA] [berenang dengan ketawa besar. GAMBARAN]
 - b. [Siti dan adiknya yang seorang lagi PENANGGAP_AKTIF] sedang duduk di tangga **memerhatikan** [Amin FENOMENA][bermain bunga api. GAMBARAN]
 - c. [Seri PENANGGAP_AKTIF] **memerhatikan** [Iskandar FENOMENA] [memicit- micit dahinya. GAMBARAN]

Satu lagi realisasi [GAMBARAN] yang ditemukan polanya dalam data ialah seperti pola penggunaan yang berikut:

- (4) a. [Aku PENANGGAP_AKTIF] **memerhatikan** [khadam-khadam FENOMENA] [yang sibuk berkhidmat mengatur hidangan. GAMBARAN]
 b. "Awak bersembunyilah baik-baik di situ," kata [nenek tua itu PENANGGAP_AKTIF] yang sedang memakan pinang sambil **memerhatikan** [Gurang FENOMENA] [yang sedang mandi. GAMBARAN]
 c. [Maria PENANGGAP_AKTIF] **memerhatikan** [anaknya FENOMENA] [yang sedang makan mi siam dengan berselera sekali. GAMBARAN]

Dalam kedua-dua buktian korpus (3) dan (4) di atas, item leksikal yang mengisi slot objek kata kerja *memerhatikan* berupa objek fizikal dari segi tipa semantikanya, namun yang menjadi fokus peristiwa visual dalam kedua-dua pola penggunaan kata kerja *memerhatikan* ini ialah perbuatan fizikal yang sedang dilakukan oleh objek fizikal tersebut. Sebaliknya, bagi kata kerja *memandang* pula, fokus penanggap atau subjek ayat ialah fenomena yang dicerap atau objek fizikal dan bukannya perbuatan fizikalnya. Hal ini dapat diperhatikan melalui elemen [GAMBARAN] yang menjelaskan ciri atau sifat bagi [FENOMENA] atau objek kata kerja ini. Pola penggunaan yang dalam contoh (5) berikut ialah beberapa buktian korpus yang menunjukkan gejala semantik ini:

- (5) a. Kemudian [dia PENANGGAP_AKTIF] tersenyum **memandang** [wajah isterinya FENOMENA] [yang jelita itu. GAMBARAN]
 b. [Beruntung PENANGGAP_AKTIF] tercegat di muka pintu **memandang** [Sungai Layong FENOMENA] [yang tidak lagi nampak tebingnya. GAMBARAN]
 c. [Dia PENANGGAP_AKTIF] cuma berdaya **memandang** [wajah ibu FENOMENA] [yang resah. GAMBARAN]
 d. Melalui tingkap rumahnya, [dia PENANGGAP_AKTIF] **memandang** [ke ARAH] [langit FENOMENA] [yang jernih. GAMBARAN]

Dalam setiap pola penggunaan pada contoh (5) di atas, ER [GAMBARAN] direalisasikan oleh komplemen relatif yang dikepalai oleh kata hubung relatif "yang" dengan ciri semantikanya menjelaskan sifat objek fizikal, misalnya "yang *jelita*" untuk objek "wajah isterinya" (5a) dan "yang *jernih*" untuk objek "langit" (5d).

(2) Jarak Objek

Kajian ini berpendapat bahawa kata kerja *mengamati* menunjukkan bahawa elemen jarak antara objek yang dicerap dengan penanggap ada kesignifikanan dalam komponen semantikanya. Dalam pola penggunaannya, objek sintaksisnya hanya berupa objek fizikal/nyata yang dekat jaraknya yang dicerap ketika lakuan visual ini berlangsung. Komponen makna yang menunjukkan kedekatan jarak objek ini dapat dibuktikan melalui penelitian terhadap beberapa elemen ranah yang membentuk pola konfigurasi kata kerja ini. Kata dalam set leksikal tubuh seperti "wajah", "muka" dan benda lain seperti "virus" kerap ditemukan dalam data untuk mengisi slot FENOMENA atau objek sintaksisnya.

Kata kerja *mengamati* menampilkan beberapa konfigurasi ER yang melibatkan ER pinggiran [ALAT] dan konfigurasi ini tidak ditunjukkan oleh kata kerja lain dalam kelompok ini. Dalam Jadual 4.11, ditunjukkan pola konfigurasi ER tersebut, iaitu [FENOMENA, ALAT] (*Kehadiran virus dapat diamati melalui mikroskop elektron*), [ALAT, FENOMENA+LATAR] (*Sebuah mikroskop digunakan untuk mengamati beda yang diletakkan pada jarak 0.03m*), [ALAT, FENOMENA+CARA] (*Penggunaan mikroskop elektron membolehkan struktur virus diamati dengan terperinci*) dan [ALAT+CARA+FENOMENA] (*Dengan kaca pembesar di tangan, diamati benar-benar tanah tempat dia terpijak*). Kajian ini berpendapat bahawa kehadiran ER pinggiran [ALAT] dalam konfigurasi ER bagi kata kerja *mengamati* ini

membuktikan bahawa komponen jarak objek ada kesignifikannya dalam struktur semantik kata kerja ini berbanding dengan kata lain yang tidak menunjukkan ciri ini.

Kata kerja lain yang turut menunjukkan ciri semantik ini ialah kata kerja *menatap* dan *merenung*. Berdasarkan ER [FENOMENA] atau objek sintaksisnya, kata “wajah”, “muka” dan “mata” merupakan kata yang tinggi kekerapannya untuk mengisi slot ini bagi kata kerja *menatap* dan *merenung*. Daripada segi jarak, objek fizikal ini dapat dianggap sebagai objek yang dekat jaraknya dengan penanggap.

(3) Daya Tarik terhadap Objek

Ada beberapa kata kerja dalam kelompok ini menunjukkan bahawa objek atau peristiwa visual yang dicerap itu kuat daya tariknya kepada penanggap. Dengan kata lain, komponen atau aspek makna yang berupa daya tarik yang kuat/tinggi ini memberikan dampak bahawa objek atau peristiwa visual yang dicerap itu sangat menarik perhatian penanggap ketika lakuan visual itu berlangsung. Kajian ini berpendapat kata kerja *merenung*, *mengamati*, *mengintai* dan *mengintip* menunjukkan gelagat semantik ini.

Bagi kata kerja *merenung*, aspek makna ini dapat dikesan dan diinterpretasikan daripada beberapa set leksikal yang mengisi slot ER [CARA] dalam penggunaan fizikalnya. Kata adverba “tajam” (117 kali), “tepat” (87 kali) dan “dalam-dalam” (5 kali) merupakan kata yang sering berkolokasi dengan kata kerja *merenung* ini. Contohnya seperti buktian korpus dan pola penggunaan dalam konfigurasi ER [PENANGGAP_AKTIF+CARA+FENOMENA] (*Ayang merenung tajam wajah Uti*) dan (ER [PENANGGAP_AKTIF+FENOMENA+CARA]) (*Ayah merenung tepat wajahku*); [PENANGGAP_AKTIF+FENOMENA+CARA] (*Dia merenung lelaki itu dalam-dalam*); dan [FENOMENA+CARA] (*Muka Sahar direnung tajam*).

Secara logiknya dan berdasarkan ciri semantik yang diujahkan di atas, kata kerja *mengamati* juga menunjukkan adanya elemen “daya tarik terhadap objek” dalam komponen maknanya. Dalam konstruksi sintaksisnya, kehadiran komponen makna ini dapat diinterpretasikan melalui elemen ranah [FENOMENA] dan [GAMBARAN]. Dalam contoh buktian korpus (6), ER [FENOMENA] dijelmakan oleh binaan FN yang dikepalai oleh kata bilangan “setiap” yang dalam konteks penggunaan ini ada elemen ketelitian dan daya tarik terhadap objek tersebut ketika lakuan visual itu berlaku.

- (6) a. [Kelly PENANGGAP_AKTIF] **mengamati** [setiap deretan bangunan FENOMENA][di situ.LATAR]
 b. [Rocana PENANGGAP_AKTIF] **mengamati** [setiap penjuru FENOMENA] [di dalam almari.LATAR]

Manakala dalam contoh (7) pula, ER [GAMBARAN] yang dijelmakan oleh frasa relatif: (7a) “yang serius”, (7b) “yang terkebak terpelahang itu” (7c) dan “yang panjangnya lebih kurang setengah depa” dalam pola penggunaan ini jelas menunjukkan perhatian dan minat yang sungguh-sungguh penanggap terhadap objek yang dicerap kerana gambaran objek itu direalisasikan dengan rinci sekali.

- (7) a. [Aku PENANGGAP_AKTIF] **mengamati** [wajahnya FENOMENA][yang serius.GAMBARAN]
 b. [Besah PENANGGAP_AKTIF] **mengamati** [batang cengal FENOMENA] [yang terkebak terpelahang itu. GAMBARAN]
 c. [Tuk Tijah PENANGGAP_AKTIF] **mengamati** [benda itu FENOMENA] [yang panjangnya lebih kurang setengah depa. GAMBARAN]

Bagi kata kerja *mengintai* dan *mengintip* pula, komponen makna “daya tarik terhadap objek ini” ditafsirkan oleh kajian ini melalui ER [LOKASI_PENANGGAP] dan

[MEDIUM_SELINDUNG], misalnya dalam konfigurasi ER [PENANGGAP_AKTIF+LOKASI_PENANGGAP] (*Anak-anak gadisnya cuba pula mengintai dari celah-celah kain langsir*) dan [PENANGGAP_AKTIF+MEDIUM_SELINDUNG] (*Adib Irfan pula mengintai melalui tingkap*). Kedua-dua elemen ranah ini amat berperanan menjelaskan situasi lakuan visual ini dan keseriusan penanggap terhadap objek yang dicerapi itu – lazimnya tidak diketahui atau tidak disedari oleh objek (orang) kerana penanggap berada agak jauh dan terselindung atau tersembunyi kedudukannya.

(4) Halangan terhadap Objek

Halangan terhadap objek ini ditandai oleh wujudnya sekatan yang memisahkan penanggap daripada fenomena atau objek yang dicerap. Seperti yang dijelaskan di atas, lazimnya fenomena atau objek tidak menyedari akan kehadiran penanggap. Untuk komponen makna ini, hanya kata kerja *mengintip* dan *mengintai* menampilkan elemen ini dan inilah komponen khusus yang membezakan kedua-dua kata ini daripada kata kerja lain dalam kelompok persepsi visual Melayu yang dikatakan bersinonim ini.

(5) Tempoh Cerapan terhadap Objek

Berdasarkan pola penggunaan daripada data yang diselidik, aspek “tempoh cerapan terhadap objek” ada kesignifikanan dalam komponen semantik bagi kata kerja *merenung*. Dalam konstruksi sintaksisnya, aspek makna ini dapat dikesani kehadirannya melalui ER [TEMPOH], iaitu satu daripada ER pinggiran yang kerap hadir dalam konfigurasi ER-nya. Lakuan visual ini lazimnya berlangsung dalam tempoh yang agak lama atau panjang dan bukan hanya sekilas dan sekejap pandang sahaja. Berdasarkan pola kolokasi dan senarai tiga puluh kata/kolokat yang tinggi kekerapannya berdamping dengan kata kerja *merenung* dan bentuk pasifnya *direnung* seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3, ER [TEMPOH] direalisasikan oleh kata adverba “lama” (15 kali) dan “lama-lama (16 kali). Sebagai perbandingan dengan kata kerja *menatap* yang dirakamkan oleh kamus sebagai sinonimnya, elemen masa atau tempoh cerapan sebagai komponen semantik ini tidak kentara atau mencolok kehadirannya atau dengan kata lain tiada kesignifikannya kepada kata kerja *menatap*.

Jadual 3 Senarai tiga puluh kata/kolokat dan kekerapannya menempati slot objek atau kanan pertama kepada kata kerja *merenung*, *menatap*, *direnung* dan *ditatap*

Bil	merenung		menatap		direnung		ditatap	
	Kata	K1	Kata	K1	Kata	K1	Kata	K1
1	KE	196	WAJAH	221	LAMA-		OLEH	18
2	MUKA	190	MUKA	27	LAMA	13	LAMA-LAMA	4
3	WAJAH	185	MATA	21	OLEH	5	MESRA	3
4	TAJAM	117	WAJAHNYA	17	LAMA	4	PENUH	3
5	JAUH	89	GAMBAR	16	DENGAN	3	DALAM	2
6	TEPAT	87			TAJAM	3	DALAM-	2
7	MATA	46	SURAT	14			DALAM	
8	LANTAI	31	AKHBAR	6	GURUNYA	2	DARI	2
9	KOSONG	22	LANGIT	6	HATI-HATI	2	WAJAH	2
10	MUKANYA	18	SILING	5	IBU	2	BIL	1
11	WAJAHNYA	17	TUBUH	4	JABAU	2	BUAT	1
12	ANAK	15	AKU	3	JAUH	2	BUKAN	1
13	AKU	13	BUKU	3	KEMBALI	2	CEPAT	1
14	LAMA	11	JAM	3	KERTAS	2	KHALAYAK	1
			KAMI	3	MATA	2	LAMA	1
					MEMANG	2		

15	AIR	10	MAJALAH	3	MUKA	2	LANGIT	1
16	KELUAR	9	MATANYA	3	MUKANYA	2	MATA	1
	KEPADA	9	SURATKHABA				MUKA	1
17			R	3	WAJAH	2		
18	WAJAHKU	9	WAJAHKU	3	BERSAMA	1		
19	ANAKNYA	8	WAJAHMU	3	CUCUNYA	1		
20	GAMBAR	8	BAYANGAN	2	DIA	1		
21	JAM	8	BAYI	2	PISAU	1		
22	SILING	8	CERMIN	2	SEMAKIN	1		
23	LANGIT	7	DRAMA	2	SEMULA	1		
24	LAUT	7	KERTAS	2	SURAT	1		
25	MUKAKU	7	KITAB	2	TEMANNYA	1		
26	DALAM	6	MUKANYA	2	USTAZ	1		
27	MATANYA	6	ORANG	2	WENDY	1		
	DALAM-							
28	DALAM	5	REMAJA	2				
29	JAUH-JAUH	5	RUANGAN	2				
30	MATAKU	4	SATU	2				
31	LAMA-LAMA	3	SAWAH	2				

Dalam Jadual 3, sekurang-kurangnya ada lapan (8) pola konfigurasi ER yang membabitkan ER [TEMPOH] dalam konstruksi sintaksis bagi kata kerja *merenung*.

Jadual 3 Kelompok pola valensi kata kerja *merenung*

Bil	Pola valensi		
1	PENANGGAP AKTIF	+	merenung + ARAH+FENOMENA
2	TEMPOH+PENANGGAP AKTIF	+	merenung + ARAH+FENOMENA
3	PENANGGAP AKTIF	+	merenung + ARAH+FENOMENA+ GAMBARAN
4	PENANGGAP AKTIF	+	merenung + TEMPOH+ARAH+FENOMENA
5	PENANGGAP AKTIF	+	merenung + CARA+FENOMENA
6	PENANGGAP AKTIF	+	merenung + FENOMENA
7	TEMPOH+PENANGGAP AKTIF	+	merenung + FENOMENA
8	PENANGGAP AKTIF	+	merenung + FENOMENA+CARA
9	PENANGGAP AKTIF	+	merenung + FENOMENA+GAMBARAN
10	PENANGGAP AKTIF	+	merenung + FENOMENA+TEMPOH
11	FENOMENA	+	direnung + CARA
12	FENOMENA	+	direnung + TEMPOH
13	FENOMENA+GAMBARAN	+	direnung + TEMPOH
14	FENOMENA+GAMBARAN +LATAR	+	direnung + TEMPOH
15	TEMPOH	+	direnung + FENOMENA
16	TEMPOH	+	direnung + FENOMENA + GAMBARAN
17			direnung + FENOMENA + TEMPOH

Di samping itu, ER [CARA] juga turut memperkukuh dakwaan kajian ini bahawa aspek “tempoh yang agak lama” merupakan elemen yang mencolok semantikanya (*semantically salient*) dalam binaan makna kata kerja *merenung* ini. Dapatan ini ditunjukkan dalam konfigurasi ER [PENANGGAP_AKTIF+CARA+ FENOMENA] (*Anak muda berjanggut sejempit itu merenung dalam-dalam wajah ayahnya*).

4. Kesimpulan

Penelitian tentang perbandingan komponen makna terhadap sekelompok kata kerja visual Melayu yang dipaparkan oleh makalah ini memberikan beberapa parameter yang relevan, khususnya dalam aspek perilaku atau gelagat semantik. Secara keseluruhan bagi makna teras, dapatan menunjukkan bahawa semua kata kerja dalam kelompok ini digunakan untuk mengkonseptualisasikan ranah yang sama, iaitu persepsi visual. Walaupun mengkonseptualisasikan struktur semantik yang sama sama, namun kajian ini mendapati bahawa ada perilaku kata ini menunjukkan pola penggunaan teras yang berbeza dalam konteks tertentu.

5. Rujukan

- Asmah Haji Omar. 1993. *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkins, B.T.S. 1994. Analysing the verbs of seeing: a frame semantics approach to corpus lexicography. Dlm. Gahl, S., Johnson, C., & Dolbey, A (pnyt.). *Proceedings of the twentieth annual meeting of the Berkeley Linguistics Society*, hlm 42-56.
- Boas, Hans C. 2005. Semantic frames as interlingual representation for multilingual lexical databases. *International Journal of Lexicography* 18 (4): 445 – 478
- Boas, Hans C. 2010. The syntax-lexicon continuum in construction grammar: a case study of English communication verbs. *Belgian Journal of Linguistics* 24: 54 – 82
- Fillmore, C.J. 1982. Frame Semantics. Dlm. Linguistic Society of Korea (pnyt). *Linguistics in the morning calm*, hlm. 111-137. Seoul: Hanshim Publishing Company. Diterbitkan semula dlm Geeraerts. 2006b, hlm 373-400.
- Fillmore, C.J. 1992. Corpus linguistics or computer-aided armchair linguistics. Dlm. J.Svartvik (pnyt.). *Directions in Corpus Linguistics*, hlm. 35 - 60. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.
- Fillmore, C.J. 2006. Frame Semantics. Dlm K.Brown (pnyt). *Encyclopedia of language and linguistics*, hlm 613-620. Oxford: Elsevier.
- Fillmore, C.J. 2007. Valency issues in FrameNet. Dlm. Herbst, Thomas & Votteler-Götz, Katrin (pnyt.). *Valency: theoretical, descriptive and cognitive issues*, hlm. 129- 160. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.
- Fillmore, C.J. & Atkins, B.T.S. 1992. Towards a frame-based lexicon: the semantic of RISK and its neighbours. Dlm. A.Lehrer dan E. Kittay (pnyt). *Frames, fields, and contrasts: new essays in semantic and lexical organisation*, hlm 75 – 102. Hillsdale: Erlbaum.
- Fillmore, C.J., & Baker, C. 2010. A frames approach to semantic analysis. Dlm. Heine, Bernd & Narrog, Heiko (pnyt). *The Oxford handbook of linguistic analysis*, hlm. 313 – 339. Oxford: Oxford University Press.
- Kamus Dewan*. 1994. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Inggeris Melayu Dewan*. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus KBSR Dewan Bergambar*. 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. 1987. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, J.J. 1972. *Semantic theory*. New York: Harper & Row.
- Kelana, C.M., & Choy, Lai. 1998. *Kamus Perwira*. Kuala Lumpur: Penerbitan Daya Sdn. Bhd.